

16 JUN 2000

Mesyuarat-Biro/I

MALAYSIA PERLU TUBUH BIRO KONVENSYEN PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Malaysia memerlukan biro konvensyen perniagaan yang baik bagi membolehkannya menarik mesyuarat antarabangsa yang besar untuk diadakan di Malaysia, kata Persatuan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa hari ini.

Pengarah Eksekutifnya Tom Hulton berkata industri mesyuarat adalah perniagaan yang besar dan banyak negara telah menubuhkan biro berkenaan bagi tujuan itu.

"Saya ingin menggesa rakyat Malaysia agar menubuhkan biro itu secara formal secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sidang kemuncak Mesyuarat Bersama Majlis Industri Pemimpin-pemimpin Alaf di Hotel Palace of Golden Horses di Seri Kembangan, dekat sini.

Sidang kemuncak itu dirasmikan erdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang media yang sama, presiden dan CEO Persatuan Konvensyen dan Biro Pelawat Antarabangsa, Edward Nielsen berkata dasar kawalan modal di Malaysia akan memberikan banyak manfaat dalam industri mesyuarat.

Nielsen berkata dengan mempunyai kadar tukaran asing yang ditetapkan daripada segi apa yang boleh dibeli bagi sesuatu mesyuarat, yang kebiasaannya dirancang bagi masa depan, dan melaksanakannya, adalah suatu yang luar biasa.

"Saya fikir potensi negara ini adalah amat besar, anda adalah satu cerita yang berjaya, amat cemerlang daripada segi apa yang Malaysia telah lakukan sebagai sebuah negara dalam konteks infrastruktur anda dan spesifik kepada industri yang kami wakili, Malaysia adalah sebuah negara contoh.

"Dan itu bukannya retorik, anda telah memperlihatkannya melalui prestasi," katanya.

Sementara itu, Presiden Mesyuarat Bersama Majlis Industri, Vito Marzo berkata Malaysia adalah contoh yang unik mengenai betapa baiknya pelaksanaan kawalan modal bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Manfaatnya, wang dalam negara dikeluarkan secara amat signifikan, disimpan dalam negara dan dilaburkan semua dalam aktiviti produktiviti dalam negara, menyumbang kepada produktiviti tinggi dan inflasi rendah," katanya dan menurutnya itu merupakan faktor utama bagi pembangunan ekonomi bagi mana-mana negara.

Sidang Kemuncak empat hari itu dihadiri kira-kira 100 pemimpin industri mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) dan pengamal media terkemuka dari seluruh dunia.

Ini merupakan julung kali mesyuarat seumpama itu dianjurkan yang bertujuan membuat kenyataan hasrat yang jelas mengenai lima isu utama yang dihadapi pasaran MICE iaitu globalisasi/keserantauan, industri pengiktirafan, pendidikan, teknologi (bukan strategi e-dagang), standard dan amalan terbaik.

Sidang kemuncak itu dianjurkan oleh JMIC dengan sokongan anggota ICCA Malaysia, Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia dan Penerbangan Malaysia.

JMIC merupakan organisasi payung yang mewakili pertubuhan dan persatuan yang mewakili sektor-sektor khas industri MICE di peringkat antarabangsa dari biro konvensyen dan pelawat kebangsaan ke pusat persidangan dan kepada penganjur persidangan profesional.

-- BERNAMA

AFY RHM RON